

# PESURUHJAYA BANGUNAN KUALA LUMPUR

BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN KUALA LUMPUR

TINGKAT 17, BANGUNAN TH PERDANA

1001 JALAN SULTAN ISMAIL

50250 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2617 1000

Faks : 03-26171040

Emel : cob@dbkl.gov.my

Ruj. Kami : (09)DBKL/JPPH/COBADMIN/21 Jld

Tarikh : Februari 2019

## PEKELILING COBKL 2019/01

### Pengerusi

**Badan Pengurusan Bersama (JMB)/**

**Perbadanan Pengurusan (MC)/**

**Perbadanan Pengurusan Subsidiari (Sub MC)**

**Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/ Puan,

**PERKHIDMATAN MANA-MANA ORANG ATAU EJEN BUKAN MERUPAKAN SEORANG PENGURUS HARTA BERDAFTAR UNTUK MENYENGGARA DAN MENGURUS HARTA BERSAMA.**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman, peraturan 32, Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 memberi kuasa kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) atau Perbadanan Pengurusan Subsidiari (Sub MC) untuk mengambil atau mengatur dan mendapatkan perkhidmatan mana-mana orang atau ejen untuk mengusahakan penyenggaraan dan pengurusan harta bersama sebagaimana peruntukan subseksyen 21(2)(f) atau 59(2)(f) atau 64(1) Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

3. Bagi tujuan tersebut, JMB atau MC atau Sub MC hendaklah:-

- (a) **Membuat perjanjian pengurusan dengan mana-mana orang atau ejen itu;**
- (b) **Jika orang orang atau ejen itu BUKAN merupakan seorang pengurus harta berdaftar, dia tidak boleh bertindak untuk mengusahakan pengurusan dan penyenggaraan harta bersama itu melainkan jika dia menyerah simpan dengan JMB atau MC atau Sub MC suatu BON dalam Borang 12 yang diberikan oleh suatu bank, syarikat kewangan atau penanggung insurans;**
- (c) **Jumlah BON ITU HENDAKLAH SUATU JUMLAH YANG BERSAMAAN SARAN ATAU FI PENGURUSAN UNTUK TEMPOH DUA BELAS BULAN ATAU SUATU JUMLAH LIMA PULUH RIBU RINGGIT (RM50,000.00), YANG MANA LEBIH TINGGI;**

...2/-

فسوروحجاي باغونن كوالا لومفور

# PESURUHJAYA BANGUNAN KUALA LUMPUR

BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN KUALA LUMPUR

TINGKAT 17, BANGUNAN TH PERDANA

1001 JALAN SULTAN ISMAIL

50250 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2617 1000

Faks : 03-26171040

Emel : cob@dbkl.gov.my

-2-

Ruj. Kami : (C)DBKL/JPPH/COBADMIN/21 Jld

PERKHIDMATAN MANA-MANA ORANG ATAU EJEN BUKAN MERUPAKAN SEORANG PENGURUS HARTA BERDAFTAR UNTUK MENYENGGARA DAN MENGURUS HARTA BERSAMA

- (d) Satu salinan perjanjian pengurusan dan salinan bon HENDAKLAH DIFAILKAN oleh JMB atau MC atau Sub MC dengan Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (COB) bersama dengan bayaran fi Ringgit Malaysia Dua Puluh Sahaja (RM20.00) dalam masa TIGA PULUH HARI DARI TARIKH PERJANJIAN PENGURUSAN ATAU BON, MENGIKUT MANA-MANA YANG BERKENAAN DENGAN; dan
- (e) Berdasarkan peruntukan perenggan 6 Jadual Kedua Akta 757, bahawa jawatankuasa pengurusan boleh mengambil kerja, untuk dan bagi pihak JMB atau MC atau Sub MC, mana-mana ejen atau pekhidmat sebagaimana yang difikirkannya patut SECARA TAHUNAN.

4. Kegagalan atau keengganan JMB atau MC atau Sub MC atau mana-mana orang atau ejen atau pekhidmat mematuhi perkara di perenggan 3 adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-keduanya.


5. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"BERSEDIA MENYUMBANG BANDARAYA CEMERLANG"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK HJ. MUSTAFA BIN MOHD NOR)**

Pengarah Eksekutif (Pengurusan)

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur merangkap

Timbalan Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur

12/2/19.